

Kerajaan negeri galak penyelidikan alam semulajadi

ENDAU ROMPIN - Kerajaan negeri sentiasa menggalakkan penerokaan dalam bidang penyelidikan berkaitan alam semula jadi yang merupakan sebahagian daripada inisiatif untuk mengekalkan serta memuliharanya.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat berkata, penerokaan merupakan sebahagian daripada langkah untuk merekodkan kepelbagaian sumber yang harus dibangunkan dalam mengkaji dan memuliharanya.

Menurutnya, pihaknya sentiasa menyokong setiap usaha penerokaan dalam bidang penyelidikan berkaitan alam semula jadi demi melestarikan penjagaan hutan hujan tropika di negeri ini yang sekali gus menjadi rujukan saintis dunia pada masa hadapan kelak.

"Bumi Johor memang kaya dengan kepelbagaian sumber semula jadi

dan keindahan seperti Endau Rompin dan beberapa kawasan hutan yang diurus tadbir oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai Taman Negara Johor iaitu Gunung Ledang, Tanjung Piai, Pulau Kukup dan Taman Laut Sultan Iskandar.

"Kita semua sedia maklum kepentingan bidang penyelidikan dalam arus pembangunan Negara merupakan kunci kejayaan pembinaan Negara bangsa menerusi pembangunan dan penyelidikan (R&D) secara berterusan.

"Saya sentiasa menyokong dan menggalakkan apa jua bentuk kerjasama dalam membangunkan bidang penyelidikan bersama pelbagai agensi yang berkepentingan seperti institusi pengajian tinggi (IPT).

Beliau berkata demikian ketika membacakan teks ucapan Menteri Besar, Datuk Mohamed Khaled



Ayub (tengah) dan Mohd Noh (dua, kanan) melihat persekitaran Pusat Penyelidikan Luar UTHM-PTNJ.

Nordin pada Majlis Perasmian Pusat Penyelidikan Luar Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) bersama PTNJ di Taman Negara Johor Endau Rompin, baru-baru ini.

Hadir sama, Naib Canselor

UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dan Pengarah Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), Mohammed Shakib Ali.

Pusat penyelidikan luar itu ditubuhkan hasil dari dua

Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani oleh pihak UTHM bersama PTNJ pada 2010 dan 2012.

Ita bertujuan memberi peluang kepada para penyelidik dan pelajar UTHM menjalankan penyelidikan lapangan dalam persekitaran yang bersesuaian dengan bidang biodeversiti, ekofisiologi hutan, geologi, tenaga, sosiologi dan hidrologi.

Pusat berkenaan turut dilengkapi prasarana sebuah sistem Hibrid Mikro Hidro, stesen iklim, makmal pengajaran, dapur dan bilik persiapan.

Ayub berkata, menerusi PTNJ usaha berkenaan diharap dapat meningkatkan kerjasama secara berterusan dengan pelbagai pihak untuk terus meneroka kekayaan khazanah dan kepelbagaian biologi yang dimiliki untuk manfaat bersama.